NO. SOALAN: 25

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**DATUK IKMAL HISHAM BIN ABDUL AZIZ [TANAH MERAH]**
TARIKH	**:**	**15.11.2016 (KHAMIS)**

Datuk Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan sejak GST dilaksanakan berapa ramaikah peniaga dikenakan di bawah Akta Pencatutan.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Sejak pelaksanaan cukai barang dan perkhidmatan atau *Goods And Services Tax* (GST) pada 1 April 2015 lalu sehingga kini, sebanyak **2.14 juta pemeriksaan** telah dijalankan terhadap penjaja-penjaja kecil di pasar basah, pasar tani, pasar malam, pasar tamu, gerai makan, medan selera, hentian Rehat dan Rawat (R&R) serta bazaar Ramadhan.

Daripada pemeriksaan tersebut sebanyak **4,387 Notis** di bawah Seksyen 21 AKHAP 2011 telah dikeluarkan terhadap peniaga yang disyaki mencatut. Hasil tindakan ini, sebanyak **361 kertas siasatan** pencatutan telah dibuka. Sehingga kini, sebanyak **44 kes telah didakwa** di Mahkamah Khas Antipencatutan di mana sejumlah **40 kes telah selesai** didakwa. Selain itu, sebanyak **23 kes** telah dikenakan kompaun.

41